

**SITI NORHANANI BINTI HUSIN
LWN.
MOHD ANIS BIN MOHD ASHA'ARI**

[Mahkamah Rendah Syariah Daerah Besut, Terengganu, (Tuan Haji Ahmad Najib Bin Mohd), 05 Rejab 1442H bersamaan 20 Disember 2020]

[Kes Mal Bil : 11001-016-0365-2019]

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 – Perbicaraan Sebelah Pihak – Pertukaran Hakim Semasa Perbicaraan – Kehadiran Defendant Sebelum Keputusan – Bidangkuasa – Takrifan Tuntutan Mutaah – Penentuan Kadar Mutaah – Pembuktian.

FAKTA KES

- [1] Kes ini telah difailkan oleh Plaintiff, Siti Norhanani Binti Husin terhadap Defendant yang bernama Mohd Anis Bin Mohd Asha'ari, iaitu bekas suami Plaintiff di bawah seksyen 57, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017. Tuntutan yang dibuat oleh Plaintiff di dalam Mahkamah ini adalah seperti berikut:
 1. Pihak Defendant difardhukan membayar mut'ah sebanyak RM 50,000.00.
 2. Kos tindakan ini ditanggung oleh Pihak Defendant.
 3. Apa-apa perintah yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah.
- [2] Kes difailkan pada 28 April 2019 oleh Plaintiff. Plaintiff diwakili oleh Peguam Syarienya, Puan Shuhaidah Binti Mohamad @ Shafie dari Tetuan Shuhaidah & Co dan wakalah disempurnakan pada hari yang sama. Kes dirujuk ke Majlis Sulh namun berdasarkan Laporan Majlis Sulh, pada 12 Mei 2019, Defendant tidak hadir dan kes diteruskan dengan ditetapkan sebutan kes pada 29 Mei 2019.
- [3] Penyampaian Saman kes ini kepada Defendant telah disampaikan secara kediri oleh kakitangan Mahkamah apabila Defendant hadir sendiri pada 29 Mei 2019 sebagaimana Afidavit Penyampaian. Defendant tidak menfaillkan apa-apa pembelaan bagi menjawab tuntutan Plaintiff dalam kes ini dan tidak hadir dalam perbincaraan pada peringkat awalnya.
- [4] Plaintiff mengemukakan empat (4) orang saksi, bersekali dengan kes tuntutan Hutang Dalam Perkahwinan yang juga dibicarakan bersekali dengan kes ini. Perbicaraan berlangsung sebelah pihak sehinggaDefendant hadir semasa kes ditetapkan untuk keputusan pada 23 Februari 2020.
- [5] Pada 23 Februari 2020, Defendant hadir dan memohon supaya keputusan ditangguhkan bagi tujuan menyalbalas Plaintiff. Kes ditangguhkan ke tarikh 05 April 2020 bagi memberi peluang kepada Defendant untuk membuat persediaan, namun kes terpaksa ditangguhkan apabila pandemik Covid-19 melanda seluruh negara sehinggaDefendant dipanggil semula pada 19 Julai 2020.
- [6] Defendant telah melantik Peguam Syarienya dan wakalah telah difailkan pada 28 Jun 2020. Defendant telah memfaillkan Penyata Pembelaan pada tarikh yang sama dan memohon Mahkamah menolak tuntutan Defendant, mengenakan kos kepada Plaintiff dan apa-apa perintah yang difikirkan patut dan wajar oleh Mahkamah. Peguam Syarie Defendant juga memohon bertulis untuk merujuk keterangan yang diberikan oleh

Plaintif dan rekod perbicaraan sebelum ini.

- [7] Perbicaraan untuk bagi soalbalas Plaintiff telah diadakan pada 04 dan 27 Ogos 2020. Peguam Defendan memaklumkan tidak berhasrat untuk menyoalbalas saksi-saksi Plaintiff. Keterangan Defendan pula telah diambil pada 20 September 2020 dan 11 Oktober 2020. Pada 11 Oktober 2020, kes pihak-pihak ditutup. Mahkamah tetapkan tarikh 20 Disember 2020 setelah berlaku penangguhan tarikh asal.
- [8] Fakta yang diakui benar oleh kedua-dua pihak adalah Plaintiff dan Defendan telah berkahwin pada 05 Jun 2014. Hasil perkahwinan, pihak-pihak dikurniakan tiga (3) orang anak. Pada 08 Ogos 2018, pihak-pihak telah bercerai talaq satu kali pertama (raj'i) dengan kebenaran di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Besut.

DIPUTUSKAN

ATAS TUNTUTAN Plaintiff, Tuntutan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Besut, di Besut, Terengganu, **MAKA PADA HARI INI TUAN HAKIM TELAH MEMBUAT PERINTAH-PERINTAH SEPERTI BERIKUT:-**

1. SAYA LULUSKAN Tuntutan Mut'ah yang difaiklan oleh Plaintiff, Norhanani Binti Husin KP : XXXXX-XX-XXXX ke atas Defendan, Mohd Anis Bin Mohd Asha'ari KP : XXXXX-XX-XXXX di bawah seksyen 57, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu).
2. SAYA PERINTAH Defendan difardhukan membayar mut'ah kepada isteri yang diceraikan iaitu Plaintiff sebanyak RM 4,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Ribu Sahaja).
3. SAYA PERINTAH Defendan difardhukan membayar mut'ah sebagaimana di para 2 secara ansuran sekurang-kurangnya RM 250.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Sahaja) sebulan mulai bulan Januari 2021 sehingga selesai pembayaran dan bayaran hendaklah dibuat selewat-lewatnya 30 haribulan setiap bulan terus ke akaun milik Plaintiff sebagaimana berikut :

Nama Bank : Maybank
No Akaun : XXXX XXXX XXXX

4. SAYA PERINTAH kos ditanggung pihak-pihak.

Peguam Syarie

Plaintif : *Puan Shuhaidah Binti Mohamad @ Shafie dari Tetuan Shuhaidah & Co*
Defendan : *Tuan Haji Mustafa Kamal Bin Haji Mat dari Tetuan Mustafa & Rosniza*

Surah al-Quran yang dirujuk

1. *Surah al-Baqarah : 241*
2. *Surah al-Baqarah : 236*

Kitab-kitab yang dirujuk

1. Dr. Abdul Karim Zaidan, *Nizom al-Qadaa' Fi al-Syariah al-Islamiyyah* hlm. 129, Cetakan Ketiga 1418H/1997M, Muassasah al-Risalah, Beirut, Lubnan .
2. Muhammad Bin Ahmad al-Khatib al-Syirbiniy, *Mughni al-Muhtaj*, jilid 3, halaman 306, 307, 317 dan 318, cetakan Dar al-Ma'rifah, Beirut, Lubnan cetakan pertama 1418H/1997M.
3. Ibnu Nujaim al-Hamawi, *Ghamz Uyuun al-Bashaair Fii Syarh Ashbaah wa al-Nazaair*, muka surat 466 jilid 1.
4. Prof Dr. Muhammad al-Zuhailiy, *al-Mu'tamad fi Fiqh al-Islami*, jilid 4, m.s. 128.
5. al-Imam al-Qurthubiy, *al-Jaami' li al-Ahkaam al-Quraan dalam muka surat 133*, jilid 3, cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Lubnan.
6. al-Imam al-Ghazzali, *al-Wasith fi al-Mazhab*, jld. 5, Dar al-Salam, Kaherah, Mesir hal. 269-270.
7. Syeikh Ali Syubramallissi, *Hasyiah al-Bujayrimi 'ala al-Manhaj*, hal. 427, jld. 3, Mustafa al-Baab al-Halabi, Kaherah, Mesir.
8. Kamus Dewan Edisi Keempat muka surat 975.
9. Syeikh Yahya Bin Abi al-Khair al-Imraniy, *al-Bayan Fi Mazhab al-Imaam al-Syafie pada muka surat 228*, jilid 11, cetakan Darul al-Minhaj.

Undang-undang yang dirujuk

1. Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 s. 128 (1).
2. Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 s. 11 (3) (b) (i) & (ii) dan 12 (2) (b).
3. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 s. 57.

Kes-kes yang dirujuk

1. Norma @ Normek lwn Mohd Zain Abdullah, [2005] 1 CLJ (Sya) muka surat 305.
2. Sapiee b. Muda lwn. Adnan Hawa bt. Mohamad (1436H/Mac 2015) JH 40(1) 125.

ALASAN PENGHAKIMAN

- [9] Ini adalah satu kes tuntutan mal yang difaikkan oleh Plaintiff supaya Mahkamah memerintahkan Defendan membayar Mut'ah kepadanya sebanyak RM 50,000.00. Kes ini peringkat awalnya dibicarakan di hadapan Hakim terdahulu iaitu Tuan Hakim Haji Mat Ropi Bin Busu sehingga lah diambil alih oleh Hakim baharu pada 30 September 2019 iaitu di peringkat keterangan saksi kedua Plaintiff. Pihak Defendan tidak hadir dalam perbicaraan sebelum ini. Pihak Plaintiff bersetuju supaya keterangan terdahulu diambil kira dan disambung perbicaraan di hadapan Hakim baharu.
- [10] Tatacara penggantian hakim ini telah dibuat selaras dengan Seksyen 128 (1), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 yang berbunyi:

Perbicaraan belum berakhir

(1) Jika seseorang Hakim telah mulakan perbicaraan mana-mana prosiding dan kerana apa-apa sebab tidak dapat menamatkan perbicaraan itu, seorang Hakim lain boleh dengan persetujuan semua pihak menyambung perbicaraan itu dan memberikan penghakiman

- [11] Plaintiff telah mengemukakan empat (4) orang saksi yang mana saksi-saksi tersebut merangkumi kes ini dan juga kes tuntutan Hutang Dalam Perkahwinan yang dibicarakan bersekali dengan kes ini. Perbicaraan berlangsung sebelah pihak sehingga Defendant hadir semasa kes ditetapkan untuk keputusan pada 23 Februari 2020. Mahkamah memutuskan demi keadilan pihak Defendant dengan memberi peluang kepada pihaknya untuk menyoalbalas keterangan Plaintiff dan saksi-saksinya serta membela diri terhadap tuntutan yang difailkan oleh Plaintiff ke atasnya.
- [12] Mahkamah merujuk kepada kitab Nizom al-Qadaa' Fi al-Syariah al-Islamiyyah mukasurat 129, Cetakan Ketiga 1418H/1997M, Muassasah al-Risalah, Beirut, Lubnan menyebut :

قدوم الغائب

وإذا قدم الغائب قبل الحكم استدعي للحضور، فإن استمehل القاضي أمهله المدة المناسبة ليقدم دفعه، فإذا قدم دفعه أو جرح شهود المدعي أو ادعى الإيفاء أو الإبراء

Bermaksud:

“Datangnya al-Muddaie Alaih yang Ghaib

“Apabila datangnya al-muddaie alaih yang ghaib sebelum keputusan/ penghakiman dibuat, sekiranya dia memohon kepada hakim untuk menangguhkan untuk pihaknya membuat pembelaan, maka tangguhlah dalam tempoh yang munasabah. Apabila sampai tempoh yang ditentukan tersebut, sama ada dia mengemukakan pembelaannya atau dia menyoalbalas saksi-saksi al-Muddaie serta menggugat kredibiliti mereka atau dia membuat pembelaan bahawa dia telahpun menunaikannya (contohnya hutang) ataupun al-muddaie telah memberi pelepasan kepadanya...”.

- [13] Dalam kes ini, Defendant hanya memilih untuk menyoalbalas Plaintiff dan tidak berhasrat untuk menyoalbalas saksi-saksi Plaintiff, selain mengemukakan pembelaan dengan memohon tuntutan Plaintiff ditolak. Oleh yang demikian, kes ini didengar dan diputuskan secara inter-partes dengan kehadiran pihak-pihak.
- [14] Sebelum mengulas isu-isu utama dalam kes ini, Mahkamah tidak berhasrat untuk mengulas dengan panjang lebar mengenai bidangkuasa Mahkamah mendengar dan memutuskan kes ini kerana tiada pertikaian dibangkitkan oleh pihak-pihak. Ini berdasarkan peruntukan seksyen 11 (3) (b) (i) dan (ii), Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 dan dibaca bersama 12 (2) (b) enakmen yang sama sebagaimana berikut :

Seksyen 11. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah.

(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-

b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan-

(i) pertunangan, perkahwinan, *ruju'*, perceraian, pembubaran perkahwinan (*fasakh*), *nusyuz*, atau pemisahan kehakiman (*faraq*) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami

isteri;

(ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i);”

Seksyen 12. Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amauan atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi seratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang (tidak termasuk tuntutan hadhanah atau harta sepencarian).

- [15] Terdapat peruntukan khusus berhubung Tuntutan Mut’ah dalam Seksyen 57, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 yang berbunyi:

“Mut’ah atau pemberian saguhati kepada isteri yang diceraikan tanpa apa-apa sebab mengikut Hukum Syarak

Selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut’ah atau pemberian saguhati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut Hukum Syarak”.

- [16] Mahkamah juga berpuashati terhadap pemastautinan Plaintiff bagi membolehkannya memulakan prosiding dan memfaillkan kes ini iaitu beralamat di 71-A, Kg Beris Panggong, 22300 Kuala Besut, Besut, Terengganu. Defendan pula dalam kes ini, beralamat penyampaian di Kg Pangkal Meleret, 18500 Machang, Kelantan.

- [17] Mahkamah dalam kes ini, melihat beberapa isu yang perlu diteliti sebelum membuat keputusan sebagaimana berikut ;

- a) Takrifan Tuntutan Mut’ah ;
- a) Kewajipan Defendan untuk membayar Mut’ah ; dan
- b) Jika diwajibkan, kadar Mut’ah yang perlu diputuskan.

- [18] Dalam undang-undang sebagaimana seksyen 57 di atas, tiada penakrifan Mut’ah dibuat, namun tajuk bagi seksyen tersebut iaitu ‘pemberian saguhati kepada isteri yang diceraikan tanpa apa-apa sebab mengikut Hukum Syarak’ seolah-olahnya ia adalah takrifan bagi Mut’ah. Perlu dijelaskan di sini supaya ia bertepatan dengan Hukum Syarak dan perbahasan fiqah yang sebenar. Frasa ‘saguhati’ dan frasa ‘yang diceraikan tanpa apa-apa sebab’ perlu diberi penjelasan. Kedua-dua frasa ini perlu dibaca dalam konteks perbahasan fiqah khususnya fiqah Mazhab Syafie. Sekiranya difahami secara literal, maka akan banyak tuntutan Mut’ah yang ditolak dan dinafikan sedangkan sisi Hukum Syarak ia menunjukkan sebaliknya. Dalam kitab Mughni al-Muhtaj, jilid 3, halaman 317, cetakan Dar al-Ma’rifah, Beirut, Lubnan cetakan pertama 1418H/1997M, al-Khatib al-Syarbini menyebut:

والمراد بها مال يجب على الزوج دفعه لامرأته المفارقة في الحياة بطلاق وما في معناه

بشرط

Bermaksud:

“Dan dikehendaki dengan Mut’ah adalah harta yang wajib dibayar oleh suami kepada isterinya yang diceraikan hidup secara talak dan yang seumpamanya dengan syarat-syarat tertentu”.

- [19] Selanjutnya di dalam kes **Norma @ Normek lwn Mohd Zain Abdullah**, [2005] 1 CLJ (Sya) muka surat 305, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan telah memutuskan bahawa seorang isteri yang diceraikan berhak untuk menuntut mut’ah. Yang Amat Arif Dato’ Daud bin Muhammad di dalam alasan penghakimannya telah merujuk kepada kitab *I'aanah al-Tholibin*, karangan Sayed al Bakri pada Juzu’ 3 halaman 406 cetakan Darul Fikir, Beirut, Lebanon:

تُحْبَّ عَلَيْهِ لِزوجَتِهِ مُوطَّةً وَلَا أُمَّةٌ مُتَعَّذِّثٌ بِفَرَاقٍ بِعِيرٍ سَبِيلٍ وَبِغَيْرِ مَوْتٍ أَحَدُهُمَا

Bermaksud:

“Bayaran mut’ah wajib ke atas suami kepada isterinya yang diceraikan setelah disetubuhinya walaupun seorang hamba dimana perceraian itu bukan berpunca dari perbuatan isteri (seperti isteri murtad atau difasakhkan nikah disebabkan keaiban suami atau isteri) dan perceraian bukannya disebabkan kematian salah seorang suami isteri”.

- [20] Mengenai syarat-syarat seseorang isteri yang telah disetubuhinya layak mendapat Mut’ah pula, ulama-ulama fiqah Mazhab al-Syafie telah menghuraikannya secara panjang lebar. Untuk lebih mudah difahami, Mahkamah terus merujuk huraianya kepada kes **Sapiee b. Muda lwn. Adnan Hawa bt. Mohamad** (1436H/Mac 2015) JH 40(1) 125, Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Terengganu telah meringkaskannya seperti berikut:-

- i. Perceraian dengan kematian suami atau isteri. Suami tidak wajib membayar mut’ah.
- ii. Perceraian berpunca dari suami yang mewajibkannya membayar mut’ah, iaitu ada 5 :-
 - (a) talaq;
 - (b) li’an;
 - (c) suami murtad;
 - (d) fasakh nikah disebabkan aib suami yang berlaku sebelum akad nikah; dan
 - (e) fasakh nikah kerana pemelukan Islam oleh suami dan isteri kekal tidak Islam.
- iii. Perceraian berpunca daripada isteri semata-mata yang tidak mewajibkan suami membayar mut’ah, iaitu, iaitu ada 6:-
 - (a) Isteri murtad;
 - (b) Isteri memeluk Islam;
 - (c) Fasakh nikah kerana aib isteri;
 - (d) Isteri dimerdekaan, suami masih hamba dan isteri memilih untuk fasakh nikah;

- (e) Isteri fasakh nikah kerana suami papa; dan
(f) Isteri fasakh nikah kerana suami mati pucuk.
- iv. Perceraian yang berpunca daripada kedua-dua belah pihak suami dan isteri. Ia terbahagi kepada 2, iaitu:-
- Punca perceraian daripada suami lebih kuat, iaitu khulu' dan tafwid al-talaq. Suami wajib bayar mut'ah;
 - Punca perceraian dari isteri lebih kuat iaitu dalam kes isteri seorang hamba dan suami membelynanya dari tuan isteri, maka punca fasakh akibat darinya lebih kuat di pihak isteri. Dalam kes ini menurut qaul jadid, suami tidak berkewajipan membayar mut'ah.
- v. Perceraian berpunca dari pihak ketiga seperti isteri yang dikahwini masih kecil. Dalam masa perkahwinan tersebut, isteri telah menyusu dengan ibu suami, maka fasakh nikahnya sama seperti hukum perceraian dengan talaq sebelum bersetubuh, iaitu isteri berhak separuh mahar yang telah ditetapkan dan jika tidak ditetapkan maharnya, maka wajib bayar mu'tah atas kadar $\frac{1}{2}$ mahar mithil.
- [21] Daripada takrifan Mut'ah mengikut Hukum Syarak, difahami bahawa Mut'ah bukannya 'saguhati' atau hadiah atau ihsan sukarela daripada pihak suami kepada isterinya namun ia adalah pemberian wajib. Seterusnya difahami daripada syarat-syarat di atas, kesemua jenis pembubaran perkahwinan (furqah) melayakkkan seseorang isteri itu mendapat mut'ah kecuali dalam kes fasakh tertentu.
- [22] Kesimpulannya, wajibnya Mut'ah dalam jenis-jenis pembubaran pernikahan adalah bergantung kepada pelakunya sama ada suami atau isteri yang menguraikan hubungan pernikahan sehingga berlaku furqah tersebut bukannya kepada penyebab (المسبب). Dalam kes isteri menuntut fasakh nikah dengan alasan suami (الإعسار) iaitu papa misalnya, si isteri yang menuntut fasakh tersebut adalah pelaku (المباشر) yang menguraikan furqah walaupun fasakh tersebut disebabkan atau berpunca daripada suami yang papa (المسبب). Dengan demikian, dalam kes sebegini si isteri tidak berhak mendapat Mut'ah. Ulama Perundangan Islam membahaskan bahawa perbezaan hukum ini berlaku disebabkan perbezaan konsep pelaku (المباشر) atau penyebab (المسبب). Kaedah fiqah ada menjelaskannya sebagaimana dalam kitab Ghamz Uyuun al-Bashaair Fii Syarh Ashbaah wa al-Nazaair, karangan Ibnu Nujaim al-Hamawi muka surat 466 jilid 1:
- إذا اجتمع المباشر والمسبب، أضيف الحكم إلى المباشر
- Bermaksud :*
- “Apabila bertembung antara pelaku (المباشر) dengan penyebab (المسبب), maka disandarkan hukum kepada (المباشر) ”.
- [23] Dalam kebanyakan jenis furqah, pihak suami sebenarnya yang menguraikan ikatan perkahwinan sehingga terjadi perceraian sama ada dengan talaq, khulu' atau sebahagian kes fasakh walaupun disebalik kes tersebut terdapat desakan atau tuntutan

cerai daripada isteri bahkan juga disebabkan atau berpunca daripada pihak isteri. Kesilapan menterjemahkan frasa “sebab” dalam takrifan seksyen 52 di atas dengan maksud penyebab perceraian atau punca perceraian menyebabkan ia bercanggah konsep Mut’ah dalam Hukum Syarak.

- [24] Isu seterusnya pula, mengenai kewajipan Defendan membayar Mut’ah kepada isterinya yang diceraikan iaitu Plaintiff. Asas hukum membayar Mut’ah kepada isteri yang diceraikan adalah wajib dalam Mazhab Syafie berdasarkan firmah Allah Ta’ala dalam al Quran, surah al-Baqarah, ayat 241:

وَلِلْمُطَّلَّقِتِ مَتَاعٌ بِالْمَعْرُوفِ حَقًا عَلَى الْمُتَّقِينَ

Bermaksud:

“Bagi perempuan-perempuan yang diceraikan, Mut’ah dengan cara yang makruf (patut) sebagai hak ke atas orang yang bertakwa.”

- [25] Mazhab Syafie merupakan mazhab yang mewajibkan Mut’ah apabila berlakunya pembubaran perkahwinan dalam syarat-syarat tertentu yang telah disebutkan sebelum ini dan ia selari dengan ketetapan pihak pemerintah yang memperuntukannya di dalam undang-undang keluarga. Apakah hikmah dan tujuan diwajibkan pembayaran Mut’ah ?. Adakah ia suatu tuntutan bertujuan sebagai pampasan, gantirugi, balas dendam atau memperoleh keuntungan daripada bekas suami ?. Merujuk kitab al-Mu’tamad fi Fiqh al-Islami oleh Prof .Dr. Muhammad al-Zuhailiy , jilid 4, m.s. 128:

وَبَحْبَلَةِ الْمُتَعَةِ جَبْرًا لِمَا لَهَا مِنَ الظُّلْمِ وَلِتَطْبِيبِ قَلْبِهَا عَنْدَ فَرَاقِ بَيْتِ الْزَّوْجِيَّةِ ،
وَالْتَّخْفِيفُ مِنَ الْإِسْتِيْحَاشِ بِسَبِيلِ مَا تَشْعُرُ بِهِ مِنْ مَفَارِقَةِ زَوْجِهَا ، وَلِكَسْرِ حَدَّةِ الْأَلَمِ
وَالْكَرَاهِيَّةِ الَّتِي تَتَنَجَّجُ عَالِيًّا عَنْ هَذَا الْفَرَاقِ

Bermaksud:

“Kewajipan memberi Mutaah adalah kerana menutup kesan-kesan yang dialami oleh isteri akibat perceraian, menyenangkan hati bekas isteri ketika berpisah dari rumah kelaminnya, mengurangkan emosinya yang tidak tenteram disebabkan perpisahan dengan suaminya dan menenangkan kepedihan dan kesukaran yang pada kebiasaannya timbul daripada perceraian ini”.

- [26] Kembali kepada isu kewajipan Defendan untuk membayar mut’ah perceraian kepada Plaintiff. Defendan dalam pembelaannya menuntut kes Plaintiff ditolak, bahkan semasa keterangannya Defendan menjelaskan kepada Mahkamah bahawa beliau tidak bersetuju dengan tuntutan Mut’ah itu sendiri bukannya berhubung kadar Mut’ah. Defendan juga tidak pernah sepanjang perbicaraan membangkitkan bahawa pihaknya ada atau telah membayar Mut’ah kepada Plaintiff selepas perceraian. Berikut keterangan Defendan :

“Saya tak setuju. Tak setuju langsung. Bukan (tak setuju) kadar. Sebab tak setuju sebab saya tak mampu. Tak mampu belaka (apa-apa kadar)”.

- [27] Defendan dalam keseluruhan keterangannya, tanpa mengemukakan apa-apa sandaran berdasarkan mengujahkan bahawa Plaintiff tidak berhak mendapat Mut’ah. Penghujahannya berkisar adalah disebabkan ketidakmampuannya dan juga sikap Plaintiff semasa menjadi isterinya. Sebaliknya, kewajipan Mut’ah yang difahami

melalui Hukum Syarak sebagaimana dijelaskan sebelum ini adalah berdasarkan tiga (3) faktor iaitu :

1. Ada perkahwinan ;
2. Adanya pembubaran perkahwinan (furqah) dengan syarat-syaratnya ; dan
3. Adanya persetubuhan (kerana Mut'ah bagi isteri yang belum disetubuh dan tidak ditetapkan mahar adalah separuh mahar mithil, bagi isteri yang telah ditetapkan maharnya pula layak Mut'ah separuh mahar tersebut).

[28] Defendan dalam pembelaannya dan keterangan lisannya bersetuju dengan fakta-fakta mengenai tiga (3) faktor di atas yang diplidikan oleh Plantif. Oleh yang demikian, Mahkamah berpandangan bahawa kedua-dua pihak tidak mempertikaikan fakta-fakta berikut :

1. Bahawa mereka berdua pernah menjadi suami isteri hasil daripada akadnikah yang dilangsungkan pada 05 Jun 2014 di 71-A, Kg Beris Panggong, 22300 Kuala Besut, Terengganu.
2. Bahawa mereka berdua bercerai talaq satu kali pertama (raj'i) pada 08 Ogos 2018 melalui lafaz cerai Defendan dengan kebenaran mahkamah di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Besut, Terengganu.
3. Adanya persetubuhan/hubungan kelamin di dalam tempoh perkahwinan tersebut melalui akuan hasil perkahwinan mereka dikurniakan tiga orang anak yang masing-masing lahir pada 06 Jun 2015, 29 Julai 2016 dan 02 Jun 2018.

[29] Oleh yang demikian, Mahkamah berpuashati bahawa Plaintiff adalah seorang bekas isteri yang telah mempunyai kelayakan dari segi Hukum Syarak untuk menuntut mut'ah kepada bekas suami iaitu Defendan. Seterusnya, berapakah kadar Mut'ah yang wajib dibayar oleh Defendan kepada Plaintiff ? Plaintiff dalam kes ini menuntut mut'ah sebanyak RM 50,000.00 daripada Defendan.

[30] Berhubung dengan kadar Mut'ah, asasnya adalah sebagaimana dalam Al-Quran ayat 236, Surah al-Baqarah :

وَمَتَّعْفَنَ عَلَى الْمُؤْسِعِ قَدْرُهُ وَعَلَى الْمُفْقِرِ قَدْرُهُ مَتَاعًا بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya:

“....hendaklah kamu (suami) memberi mut'ah kepada mereka (isteri-isteri) yang diceraikan, dan ke atas suami yang senang (hendaklah memberi) menurut ukuran kemampuannya dan suami yang susah menurut kemampuannya ; sebagai pemberian yang makruf (patut), (Mut'ah) merupakan kewajiban ke atas orang-orang yang berbuat kebaikan.”.

[31] Dalam ayat ini, menjelaskan bahawa kadar Mut'ah adalah berdasarkan kemampuan suami sahaja. Ulama-ulama Mazhab Syafie berselisih pandangan dalam hal ini, dan Mahkamah memilih pandangan yang mengatakan bahawa mengenai soal kadar Mut'ah adalah dengan melihat kepada hal keadaan suami dan juga hal keadaan isteri. Pandangan ini lebih tepat dan adil bersandarkan keseluruhan ayat-ayat Al Quran yang lain. Bahkan dalam ayat 236, Surah al-Baqarah bukan sahaja menyentuh kemampuan suami sahaja bahkan sambungan ayat tersebut berbunyi (متاعًا بِالْمَعْرُوفِ) bermaksud

'sebagai pemberian yang patut' sebagai isyarat bahawa bayaran Mut'ah juga mengambil kira hal keadaan isteri. Penegasan ini juga wujud dalam ayat 241, surah yang sama iaitu : (وَلِلْمُطَّافِتِ مَتَاعٌ بِالْمَعْرُوفِ) bermaksud 'Bagi perempuan-perempuan yang diceraikan, Mut'ah dengan cara yang makruf (patut)'.

- [32] Peruntukan undang-undang pula tidak menjelaskan piawaian atau kayu ukur kadar Mut'ah secara terperinci sebaliknya menyerahkannya kepada Hukum Syarak. Seksyen 57 berbunyi :

"... memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut Hukum Syarak".

- [33] Sebagaimana disebutkan bahawa Defendant tidak bersetuju dengan jumlah tuntutan Plaintiff bahkan beliau tidak bersetuju dengan tuntutan ini pada asalnya lagi. Sekiranya Defendant bersetuju dengan jumlah yang Plaintiff tuntut atau kedua-dua pihak memilih untuk menyelesaikan pertikaian ini termasuk mengenai kadar Mut'ah secara sult, penentuan mengenai kadarnya tidak akan berbangkit dan perbicaraan secara litigasi tidak perlu diteruskan.
- [34] Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa tiada piawaian bagi had maksimum (kadar siling) bagi Mut'ah sehingga boleh menuntut setinggi-tingginya. Adakah pendapat ini benar? Pihak yang cenderung kepada pendapat ini mendatangkan dalil bahawa bayaran Mut'ah Sayyidina Hassan Bin Ali terhadap bekas isterinya Aisyah al-Khath'amiyyah sebanyak 10,000 sebagaimana yang disebutkan oleh al-Imam al-Qurthubiy dalam kitabnya *al-Jaami'* li al-Ahkaam al-Quraan dalam muka surat 133, jilid 3, cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Lubnan meriwayatkan atsar daripada al-Imam al-Daruqutniy:

رووى الدارقطني عن سويد بن عفلاة قال: كانت عائشة المخعمية عند الحسن بن علي
بن أبي طالب فلما أُصيِّبَ عَلَيْهِ وبُويعَ الْحُسْنَ بِالْخَلَافَةِ قَالَتْ: لِتَهْبِكَ الْخَلَافَةَ يَا أَمِيرَ
الْمُؤْمِنِينَ! فَقَالَ: يُقْتَلُ عَلَيْهِ وَتُظْهَرُهُنَّ الشَّمَاتَةَ! اذْهِي فَأَنْتَ طَالِقُ ثَلَاثَةً. قَالَ: فَتَلَقَّعَتْ
بِسَاجِهَا وَقَعَدَتْ حَتَّى انْقَضَتْ عَدْهَكَ؛ فَبَعْثَ إِلَيْهَا بِعَشْرَةِ أَلْأَفِ مَتَاعًا، وَبِقِيَّةِ مَا بَقِيَ لَهَا
مِنْ صِدَاقَهَا. فَقَالَتْ: مَتَاعٌ قَلِيلٌ مِنْ حَبِيبٍ مُفَارِقٍ! فَلَمَّا بَلَغَهُ قَوْهُنَا بَكَى وَقَالَ: لَوْلَا
أَنِّي سَمِعْتُ جَدِّيَ . أَوْ حَدَثَنِي أَبِي أَنَّهُ سَمِعْ جَدِّيَ . يَقُولُ: أَيَّا رَجُلٍ طَلَقَ امْرَأَهُ ثَلَاثَةً
مِبْهَمَةً أَوْ ثَلَاثَةً عَنْ الْأَقْرَاءِ لَمْ تَحْلِ لَهُ حَتَّى تَنْكِحَ زَوْجًا غَيْرَهُ لِرَاجْعَتِهَا.

Bermaksud:

"Diriwayatkan daripada al-Daruquthni daripada Suwaid Bin Ghaflah, beliau berkata : Aisyah al-Khath'amiyyah adalah isteri kepada Sayyidina Hassan Bin Ali Bin Abi Thalib r.a. Apabila Ali r.a meninggal dunia dan Hassan dibaiyah sebagai khalifah, Aisyah berkata : Tahniah atas pelantikan khalifah, wahai Amirul Mukminin!. Hassan berkata : Ali terbunuh dan kamu menzahirkan kegembiraan, pergi kamu, kamu ditalaq dengan tiga talaq.

Suwaid berkata lagi : Seterusnya Aisyah pun menutupi dirinya dengan baju panjangnya dan duduk terus di rumah kelamin sehingga habis masa 'iddahnya. Lalu, Hassan mengirimkan wang sebanyak 10,000.00

sebagai mut'ah kepadanya dan baki bayaran maharnya. Berkata Aisyah : Pemberian yang sedikit daripada kekasih yang meninggalkan aku.

Apabila perkataaan Aisyah ini sampai ke telinga Hassan, dia pun menangis dan berkata : Seandainya aku tidak mendengar sabda datukku (Nabi S.a.w) atau ayahku menceritakan kepadaku apa yang dia dengar dari datukku bersabda : 'Mana-mana lelaki yang menjatuhkan talaq kepada isterinya dengan talaq tiga dalam mana-mana tempoh masa (talaq tiga sekaligus) atau talaq tiga setiap kali quru' (suci), maka tidak halal baginya isterinya tersebut sehingga dia berkahwin dengan lelaki lain' maka, akan aku rujuk kembali Aisyah menjadi isteriku.

- [35] Pendapat ini berdalilkan jumlah Mut'ah yang diberikan oleh Sayyidina Hassan bin Ali kepada Aisyah al-Khath'amiyyah sebanyak 10,000.00 adalah suatu jumlah yang tinggi, oleh yang demikian pihak isteri boleh menuntut sebanyak mungkin Mut'ah. Melalui atsar ini juga, bayaran sebanyak 10,000.00 seolah-olah bertentangan dengan perkadaran Mut'ah yang dinukilkkan dalam kitab-kitab fuqaha Mazhab Syafie.
- [36] Pertamanya, perlu difahami bahawa atsar di atas secara jelas menukilkan kesukarelaan Sayyidina Hassan untuk membuat bayaran mut'ah kepada Aisyah bukannya melibatkan isu penentuan kadar daripada pihak hakim atau mahkamah. Situasi yang berlaku antara mereka bukannya melibatkan pertikaian dan dibawa ke pengadilan. Memang sudah disepakati para ulama fiqh bahawa sekiranya ada (التراضى) iaitu persetujuan bersama antara kedua pihak maka kadar Mut'ah sama ada rendah maupun tinggi tidak lagi berbangkit.
- [37] Keduanya, apakah benar tiada piawaian bagi had maksimum (kadar siling) bagi Mut'ah? Apakah perkadaran sebenar secara keseluruhannya dalam bab Mut'ah yang dinukilkkan dalam kitab-kitab fuqaha Mazhab Syafie? Dalam kitab Mughni al-Muhtaj, jilid 3, halaman 318, al-Khatib al-Syarbini menyebut:

(وُيُسْتَحِبُ أَن لَا تَنْفَصَ الْمُتَعَةُ (عَنْ ثَلَاثَيْنِ دِرْهَمًا) أَوْ مَا قِيمَتُهُ ذَلِكَ . قَالَ فِي الْبُوَيْطِيِّ : وَهَذَا أَدْنَى الْمُسْتَحِبِ، وَأَعْلَاهُ حَادِمٌ، وَأَوْسَطُهُ ثَوْبٌ اه . وَيُسْتَحِبُ أَن لَا يَبْلُغَ نِصْفَ مَهْرِ الْمِثْلِ كَمَا قَالَهُ أَبْنُ الْمُفْرِيِّ : فَإِنْ بَلَغَتْهُ أَوْ جَازَ لِإِطْلَاقِ الْآيَةِ . قَالَ الْبُلْقِينِيُّ وَعَيْرِهُ : وَلَا يَرِيدُ وُجُوبًا عَلَى مَهْرِ الْمِثْلِ، وَلَمْ يَذْكُرُوهُ اه . وَيَحْمِلُ ذَلِكَ مَا إِذَا فَرَضَهُ الْحَاكِمُ، وَيَشَهُدُ لَهُ مِنْ كَلَامِ الْأَصْحَاحِ نَظَائِرًا، مِنْهَا أَنَّ الْحَاكِمَ لَا يَبْلُغُ بِحُكْمَوَةِ عُضُوِّ مُفْدَرَةِ . وَمِنْهَا أَن لَا يَبْلُغُ بِالْتَّعْزِيرِ الْحَدَّ وَعَيْرِهِ ذَلِكَ . أَمَّا إِذَا أَنْفَقَ عَلَيْهَا الرِّوْجَانِ فَلَا يُشْتَرِطُ ذَلِكَ، وَيَحْمِلُ عَلَى هَذَا كَلَامًا مِنْ اعْتَرَضَ عَلَى الْبُلْقِينِيِّ وَقَالَ : الْأَوْجَهُ خِلَافُ كَلَامِهِ، بَلْ مُفْتَضَى النَّظَائِرِ أَن لَا يَصِلَ إِلَى مَهْرِ الْمِثْلِ إِذَا فَرَضَهَا الْقَاضِي وَهُوَ ظَاهِرٌ،

فَمَمَّا إِنْ تَرَاضَيَا عَلَى شَيْءٍ فَدَائِكَ

Bermaksud:

"Dan disunatkan tidak kurang Mut'ah daripada. Berkata (Imam al-Syafie) dalam kitab yang dikarang oleh al-Buwaithiy : 'Ini (30 dirham) adalah serendah-rendah yang disunatkan, setinggi-tinggi yang

disunatkan adalah seorang hamba, dan kadar pertengahannya adalah pakaian’.

Dan disunatkan Mut’ah tidak melebihi separuh mahar mithil (sepadan) sebagaimana kata Ibnu al-Muqri. Sekiranya setara separuh mahar mithil atau melebihinya harus berdasarkan umumnya nas ayat al Quran.

Berkata al-Bulqiniy dan selainnya, : ‘Tidak boleh Mut’ah secara wajib melebihi 1/1 mahar mithil, perkara ini tidak disebutkan oleh ashab Syafieyyah kerana telah maklum mengenainya’. Asas ini (Mut’ah tidak boleh melebihi 1/1 mahar mithil) dalam situasi ditentukan dan diputuskan oleh Hakim. Dalil kenyataan ini berdasarkan kalam para ashab Syafieyyah berdasarkan bandingan (اللَّطَافِر) iaitu pertama, bandingan dalam masalah hakim tidak boleh menghukum melampaui kadar diat yang ditentukan dalam bab qisas. Kedua, hakim tidak boleh menghukum melampaui kadar hudud dalam kesalahan takzir. Adapun apabila bersepakat suami isteri dalam kadar Mut’ah maka tiada syarat (melihat kepada kadar mahar mithil) ini lagi.

Ada pandangan yang mengkritik pandangan al-Bulqini dan selainnya. Berkata pengkritik : ‘Pandangan yang lebih al-aujah adalah bertentangan pandangan al-Bulqini kerana dia sendiri bercanggah dengan dalilnya pada membuat bandingan (iaitu dengan kadar ditetapkan dalam qisas dan juga kadar takzir dan hudud). Sepatutnya, kadar Mut’ah adalah tidak boleh sampai atau menyamai 1/1 mithil jika ditentukan oleh hakim (sedangkan pandangan al-Bulqini seolah-olah kadar Mut’ah boleh menyamai 1/1 mahar mithil), inilah pandangan yang al-zohir. Adapun dalam isu suami isteri reda-meredai tentang kadarnya, maka begitulah Mut’ahnya (kami bersepakat dengan al-Bulqini)’’.

- [38] Dalam nas di atas menjelaskan pandangan berkaitan piawaian atau kayu ukur bagi kadar wajib Mut’ah apabila diputuskan oleh Hakim iaitu hendaklah kurang daripada 1/1 mahar mithil selepas berlaku kritikan dan tahqiq daripada ulama-ulama Syafieyyah. Terdapat satu lagi pandangan dalam Mazhab Syafie iaitu tidak boleh melebih separuh mahar mithil. Pandangan ini merupakan pandangan al-Qaffal, al-Ghazali dan al-muhaqqiqun mazhab (sebagaimana dinaqalkan oleh al-Juwaini). Berikut nas sebagaimana dalam kitab al-Wasith fi al-Mazhab, oleh al-Imam al-Ghazzali, jld. 5, Dar al-Salam, Kaherah, Mesir hal. 269-270 :

ثم لا يزداد في المتعة على نصف المهر؛ كما لا يزداد التعزير على الحد. ثم إن لم يكن في النكاح مهر، فمرد المتعة إلى نصف مهر المثل، فالتفقص عنه.

Bermaksud:

“Kemudiannya (selepas menerangkan mengenai pertimbangan kadar melihat keadaan suami isteri), tidak boleh melebihi kadar Mut’ah melebihi (1/2) separuh mahar mithil sebagaimana hukuman ta’zir tidak boleh melangkaui hudud. Apabila (dalam kes) tidak ditetapkan mahar dalam akadnikah dan belum disetubuhi), penentuan bayaran Mut’ahnya adalah kembali kepada separuh mahar mithil, maka dalam kes ini (kes perceraian telah disetubuhi) maka kadar Mut’ah hendaklah

kurang dari itu”.

- [39] Berikut kesimpulan yang boleh disimpulkan berdasarkan perbezaan pandangan ulama Syafieyyah mengenai piawaian kadar wajib Mut’ah apabila diputuskan oleh hakim secara keseluruhannya:

Kadar Wajib Mutaah	
Pandangan 1:	Pandangan 2:
Al-Qaffal dan al-Ghazali	Pendapat al-Zohir dan al-Awjah dalam Mazhab Syafie, Al-Bulqini dan lain-lain
½ mahar mithil atau kurang	Kurang 1/1 mahar mithil

Berdasarkan pandangan di atas, persoalan mengenai kadar had maksimum (kadar siling) bagi Mut’ah telah terjawab, iaitu tiada penetapan had maksimum namun piawaian atau kayu ukurnya adalah tertakluk kepada kadar mahar mithil. Kadar Mahat seseorang wanita berbeza dari seorang yang lain. Boleh jadi seorang perempuan yang berketurunan mulia, terkenal, berharta dan mempunyai status pangkat/ taraf tinggi maka kadar mahar mithilnya adalah tinggi. Bahkan kadarnya boleh mencapai ratusan ribu ringgit bahkan jutaan dan apabila dia bercerai, dia berhak pula mendapat Mut’ah sebanding nilai mahar mithilnya.

- [40] Oleh yang demikian, penentuan ijihad kadar Mut’ah oleh Hakim berdasarkan hal keadaan suami isteri adalah mestilah juga tertakluk kepada piawaian mahar mithil. Memutuskan kadar Mut’ah dengan sebebas-bebasnya tanpa merujuk piawaian mahar mithil adalah bercanggah dengan pandangan keseluruhan ashab Syafieyyah kerana piawaian itu telah jelas di kalangan mereka (وَمَنْ يُدْكِرُهُ لَظَهُورِهِ) sehingga ia tidak dimasukkan dalam kitab-kitab fiqh peringkat asas bahkan sebahagian peringkat pertengahan dan hanya disebut dalam kitab peringkat tinggi iaitu hasyiah (حاشية) dan al-muthowalat (الطاولات).

- [41] Seterusnya, dalam kitab Mughni al-Muhtaj, jilid 3, halaman 318, al-Khatib al-Syarbini menyebut perkara ini (selepas menjelaskan kadar wajib berdasarkan mahar mithil) dengan katanya lagi:

فَإِنْ تَنَارَعَا فِي قَدْرِهَا (قَدْرُهَا الْقَاضِي بِنَطَرِهِ) أَيْ اجْتَهَادُهُ بِحَسْبِ مَا يَلِيقُ بِالْخَالِ
مُعْتَدِلًا حَافِلًا (مِنْ يَسَارِ الرَّوْجِ وَإِعْسَارِهِ وَسَيِّئِهَا وَصِفَاتِهَا)

Bermaksud:

“Jika bertelingkah bekas suami dan isteri mengenai kadar Mut’ah, Hakim yang akan menentukannya secara ijihad dengan mengambil kira kewajaran hal keadaan kedua-duanya, daripada kesenangan dan kesusahan suami, keturunan isteri dan sifatnya (isteri).”

- [42] Berbalik kepada fakta dalam kes ini, oleh kerana Plaintiff merupakan bekas isteri yang membuat tuntutan, maka beliau pada asasnya bertanggungjawab mengemukakan beban pembuktian terhadap dakwaan-dakwaannya. Dalam kes ini, beliau membawa

empat (4) orang saksi yang memberi keterangan berhubung dengan hal keadaan suami isteri dan juga berhubung mas kahwin semasa akadnikah perkahwinan.

- [43] Mengenai hal keadaan diri suami isteri, adakah dilihat semasa akadnikah perkahwinan atau semasa perceraian?. Mengenai perkara ini penentuan sebenar hal keadaan kedua-dua pihak adalah pada waktu perceraian bukannya semasa akadnikah perkahwinan. Ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Syeikh Ali Syubramallissi dalam kitabnya Hasyiah al-Bujayrimi ‘ala al-Manhaj, hal. 427, jld. 3, Mustafa al-Baabi al-Halabi, Kaherah, Mesir:

قوله بقدر حالمها أي وقت الفراق

Bermaksud:

“mengambil kira hal keadaan kedua-duanya iaitu semasa perceraian”.

- [44] Mengenai hal keadaan diri isteri iaitu Plaintiff yang melibatkan keturunan dan sifat-sifatnya semasa perceraian adalah berdasarkan keterangan Plaintiff dan saksi-saksinya di samping tiada sebarang bantahan dan pertikaian oleh Defendant. Fakta-faktanya dapat disimpulkan sebagaimana berikut :

Isteri	:	Siti Norhanani Binti Husin
Taraf Pendidikan	:	SPM
Pekerjaan Semasa Kahwin	:	Pembantu Tadbir, Gred N19, di Pejabat Rela Daerah Machang, Kelantan.
Pekerjaan Semasa Cerai	:	Pembantu Tadbir, Gred N19, di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pasir Puteh, Kelantan
Pendapatan	:	RM 2300 (Gaji kasar masa bercerai)

Maklumat keluarga Plaintiff pula:

Bapa	:	Kerja nelayan dan memiliki kedai runcit. Bapa pernah menjadi ketua kampung.
Ibu	:	Suri rumah

- [45] Fakta mengenai hal keadaan suami iaitu kemampuan Defendant pula, fakta yang diakui oleh kedua-dua pihak ada sebagaimana berikut :

Suami	:	Mohd Anis Bin Mohd Asha'ari
Taraf Pendidikan	:	SPM
Pekerjaan Semasa Kahwin	:	Pembantu Operasi di Syarikat Air Kelantan.
Pekerjaan Semasa Cerai	:	Pembantu Operasi di Syarikat Air Kelantan.

- [46] Mengenai pendapatan Defendant, dalam keterangan Plaintiff mendakwa gaji Defendant sebagai Pembantu Operasi di Syarikat Air Kelantan sebanyak RM 2500.00 sebulan tapi tidak membawa sebarang bukti atau dokumen sebagai sandaran. Defendant semasa keterangannya mengemukakan slip gajinya yang rasmi bagi tempoh tiga bulan iaitu April, Mei dan Jun 2020 dengan pendapatan sebanyak Rm 1548.76 sebulan. Seterusnya, Pihak Plaintiff juga ada menimbulkan bahawa Defendant ada pendapatan sampingan yang lain iaitu bekerja mengambil upah dengan membaiki paip di rumah-rumah namun tidak dapat membuktikannya secara tepat berapa jumlah pendapatan tersebut. Berikut keterangan Plaintiff semasa disoalsiasiat:

“Defendant ada kerja sampingan pasang paip. Kalau dia pasang paip keseluruhan (bulanan) dalam RM 300. Kalau kerja kecil, (baiki) sikit, setuju sikit sahaja dapat purata Rm 10 – RM 50 (satu kerja). Kerja sampingan lain saya tidak tahu”

Saya tak pasti Defendant berharta atau tidak, Defendant ada kereta sahaja, kereta Myvi”.

- [47] Kerja-kerja sampingan lain seperti menjual burger dan menjual kereta terpakai ada disebutkan oleh saksi-saksi tetapi Plaintiff tiada mengulas perkara tersebut dan hanya memaklumkan tidak tahu pendapatan sampingan Defendant lain kecuali mengambil upah membaiki paip sahaja. Defendant pula dalam soalbalas Peguam Plaintiff mengakui ada bekerja pasang paip sebagaimana berikut :

“Ada buat kerja pasang paip tolong orang kampung di perumahan di Machang. Saya tak setuju ada bisnes kereta terpakai”.

- [48] Fakta mengenai akadnikah perkahwinan termasuk mas kahwin (mahar) yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak adalah sebagaimana berikut :

Tarikh Nikah	: 05 Jun 2014
Tempat Nikah	: 71-A, Kg Beris Panggong, 22300 Kuala
Besut, Terengganu.	
Wali	: Bapa Plaintiff
Status Isteri sebelum kahwin	: Anak Dara
Status Isteri sebelum kahwin	: Anak Teruna
Mas Kahwin	: RM 150.00
Hantaran	: RM 5000.00 dan tujuh dulang terdiri daripada kain (pasang), baju sembahyang wanita, buah-buahan, sejadah, kasut, sirih junjung dan hadiah lain.

- [49] Pihak-Pihak telah bercerai talaq satu kali pertama (raj'i) pada 08 Ogos 2018 melalui lafaz cerai Defendant dengan kebenaran mahkamah di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Besut, Terengganu iaitu selepas 4 tahun 2 bulan lebih berkahwin. Mereka dikurniakan tiga orang anak hasil perkahwinan tersebut. Dalam kes ini, Plaintiff menuntut Mut'ah dengan jumlah yang agak besar iaitu sejumlah RM 50,000.00 maka sewajarnya dakwaannya disokong dengan fakta-fakta yang munasabah dengan tuntutan ini.

- [50] Sebagaimana disebutkan sebelum ini, penentuan kadarnya adalah dengan berpandukan piawaian kadar mahar mithil jika diandaikan Plaintiff berkahwin lain selepas tarikh perceraian pada 08 Ogos 2018. Apakah pula takrifan dan kriteria-kriteria yang diambilkira bagi penetapan mahar mithil? Dalam kitab Mughni al-Muhtaj pada mukasurat 306 -307 berbunyi :

فَصُلْ أَيْنِ في ضَابِطِ ذَلِكَ (مَهْرُ الْمِثْلِ مَا يُرْغَبُ بِهِ فِي مِثْلِهَا) عَادَةً (وَرِئْتُهُ) أَيْنِ مَهْرُ
 الْمِثْلِ (الْأَعْظَمُ نَسْبُّ) فِي النِّسَيَةِ لِوُقُوعِ التَّفَاقُرِ بِهِ كَالْكَفَاءَةِ فِي الْتَّكَاجِ (وَيُبَعْثِرُ)
 مَعَ مَا تَقْدَمَ (سِنُّ وَعْقَلٌ) وَجَمَالٌ (وَبَسَارٌ) وَفَصَاحَةٌ (وَبَكَارَةٌ وَثَيْوَةٌ)
 (وَمَا احْتَفَلَ بِهِ عَرْضٌ) كَالْعِلْمٍ وَالشَّرْفِ؛ لِأَنَّ الْمُهُورَ تَحْتَلِفُ بِاِختِلَافِ هَذِهِ

الصِّفَاتِ ...

Bermaksud:

“Ini suatu fasal pada menerangkan takrifan bagi mahar mithil iaitu sesuatu yang diinginkan (oleh bakal isteri) sepadan dengan perempuan sepertinya pada adat. Dan tonggak utama mahar mithil dilihat kepada keturunan kerana padanya suatu kebanggaan sebagaimana konsep kufu’ dalam nikah.”

“...Diambilkira penentuan kadar mahar mithil selain faktor sebelumnya (keturunan) adalah faktor umur, keluhuran budi, kecerdikan, kecantikan, kekayaan, kepetahan, status dara/ janda dan juga faktor-faktor lain mengikut tujuan seperti keilmuan dan kemulian kerana sesuatu mahar seseorang wanita berbeza apabila berbezanya faktor-faktor ini ...”

- [51] Dalam kes ini, Pihak-Pihak bersetuju bahawa mahar musamma (yang disebut) semasa akadnikah pada 05 Jun 2014 iaitu RM 150.00, manakala wang hantaran sebanyak RM 5000.00 serta lain-lain pemberian. Timbul persoalan, adakah wang hantaran berbeza dengan mahar ? Dari sudut hukum asas, kedua-duanya berbeza memandangkan mahar disebut dalam Hukum Syarak, manakala wang hantaran merupakan adat masyarakat Melayu. Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat muka surat 975 istilah hantaran perkahwinan ditakrif sebagai:

“Wang yang dihantar oleh pihak pengantin lelaki kepada pihak pengantin perempuan (dalam perkahwinan) ”.

- [52] Wang hantaran walaupun ia dianggap adat sahaja namun ia merupakan kelaziman masyarakat yang diterima oleh semua. Dari segi praktikal atau amalannya, kadar rendah atau tinggi suatu wang hantaran adalah bergantung kepada mahar musammanya. Jika mahar musamma rendah, maka tinggilah wang hantarnya, inilah adat kebiasaan bagi sebahagian besar masyarakat negeri-negeri di Malaysia. Jika kadar mahar musamma itu tinggi, maka tiada lagi bayaran wang hantaran, ini merupakan adat kebiasaan bagi masyarakat di negeri Terengganu dan Kelantan. Walaupun begitu, oleh kerana berlaku silang budaya akibat percampuran, capaian maklumat, penghijrahan dan sebagainya, pengamalan adat ini bukan lagi mengikuti demografi tetapi mengikut penetapan ahli keluarga dan perbincangan antara kedua-dua mempelai sebagaimana dalam kes di hadapan Mahkamah ini. Kaedah Fiqah dan Dhabit Fiqah ada berbunyi :

العادة محكمة

استعمل الناس يحب العمل بما

Maksudnya :

“Adat dijadikan sebagai rujukan hukum”.

“Apa yang dipraktikkan dan diamalkan oleh orang ramai, merupakan hujah yang wajib diamalkan dengannya (diterima)”.

- [53] Mahkamah berpandangan bahawa kadar wang hantaran sebanyak RM 5000.00 oleh Defendant kepada Plaintiff tersebut adalah sebenarnya merupakan gantian kepada mahar mithil yang mana ia telah diambilkira oleh Plaintiff atau ahli keluarganya

berdasarkan kriteria-kriteria yang diambilkira bagi penetapan mahar mithil sebagaimana dalam kitab Mughni al-Muhtaj di atas.

- [54] Dengan melihat tempoh masa tarikh perkahwinan dan perceraian pihak-pihak hanya 4 tahun 2 bulan lebih, Mahkamah tidak melihat banyak perubahan ketara melibatkan hal keadaan isteri dari segi sifat-sifatnya termasuk taraf sosial seperti pekerjaan, pendapatan, pangkat dan sebagainya. Dari segi keturunan pula, tiada fakta-fakta berkaitan terlalu memberi kesan dalam penentuan kadar Mut'ah memandangkan Plaintiff sendiri mengakui latar belakang keluarganya sebagai keluarga sederhana dan bapanya sebagai nelayan.
- [55] Mengenai kemampuan Defendan pula, Plaintiff melalui saksi-saksi tidak mengemukakan satu keterangan atau bayyinah lain yang mencukupi untuk mensabitkan tahap Defendan sebagai al-muusir (kategori individu yang kaya-raya) yang membolehkan tuntutan RM 50,000.00 ini diluluskan. Bahkan, keterangan Plaintiff dan saksi-saksinya menjadi qarinah bahawa Defendan seorang yang agak tidak berkemampuan seperti keterangan Defendan bekerja membaki paip rumah jiran, menjual burger dan sebagainya. Dalam hal ini, tanggungjawab untuk membuktikan Defendan seorang yang kaya raya adalah ke atas Plaintiff bagi Mahkamah meluluskan tuntutannya. Dalam Kitab al-Bayan Fi Mazhab al-Imaam al-Syafie pada muka surat 228, jilid 11, cetakan Darul al-Minhaj, Syeikh Yahya Bin Abi al-Khair al-Imrani menyebut :

وادعٰتْ أَنَّهُ كَانَ مُوسِرًا فِيهِ، وَادْعَىْ أَنَّهُ كَانَ مَعْسِرًا، وَلَا بَيْنَهُمَا عَلَى يَسَارِهِ ذَلِكُ
الوقت، إِنْ عُرِفَ لِهِ مَالٌ قَبْلَ ذَلِكِ.. فَالْقُولُ قَوْلُهُمَا مَعَ يَعْنِيهِمَا؛ لِأَنَّ الْأَصْلَ بِقَاءُ الْمَالِ،
وَإِنْ لَمْ يُعْرِفْ لِهِ مَالٌ.. فَالْقُولُ قَوْلُهُمَا مَعَ يَعْنِيهِمَا؛ لِأَنَّ الْأَصْلَ عَدْمُ الْيَسَارِ

Bermaksud :

*“(Berlaku pertikaian antara suami isteri mengenai kemampuan suami)
Si isteri mendakwa suaminya seorang yang kaya, sebaliknya sang suami mendakwa dia seorang yang papa. Pada masa pertikaian si isteri tidak mempunyai bayyinah atas kekayaan suaminya itu. Maka hukumnya ;*

Jika sang suami diketahui sebagai seorang yang mempunyai harta sebelumnya, maka diterima dakwaan isteri dengan sumpahnya kerana asalnya harta tersebut masih berkekalan.

Jika sang suami tidak dikenali mempunyai harta/ berharta maka dakwaan suami bersama sumpahnya kerana asalnya seorang suami adalah papa (tidak berharta) ”.

- [56] Dalam isu ini, Mahkamah melihat bahawa kedudukan kewangan Defendan pada masa perceraian masih pada tahap yang sama sebagaimana semasa akadnikah perkahwinan dengan Plaintiff. Kesimpulannya, tiada perubahan yang signifikan berlaku terhadap status kemampuan Defendan dan status/ taraf sosial Plaintiff. Oleh yang demikian, Mahkamah berpuashati kadar mahar mithil yang layak bagi Plaintiff dengan mengambilkira hal keadaan Plaintiff dan Defendan adalah masih kekal iaitu sebanyak RM 5,000.00. Seterusnya kadar Mut'ah yang layak oleh Plaintiff, Mahkamah memilih pendapat al-Zohir dan al-Awjah dalam Mazhab Syafie iaitu mestilah kurang daripada 1/1 mahar mithil.

- [57] Mahkamah juga melihat adanya pengakuan dari pihak-pihak bahawa mereka telah tinggal berasingan dan tidak bersekedudukan sebagai suami isteri apabila Plaintiff bertindak balik ke rumah keluarganya di Kuala Besut lebih kurang tempoh satu (1) tahun sebelum bercerai, tanpa Mahkamah melihat puncanya. Dalam hal ini, hikmah-hikmah pensyariatan Mut'ah tidak lagi dilihat berlaku wujud pada diri Plaintiff dengan ketara. Oleh yang demikian, setelah meneliti dan menghalusi kepada keseluruhan fakta-fakta dalam kes ini, Mahkamah berpuashati bahawa Plaintiff layak dan berhak mendapat Mut'ah daripada Defendan sebanyak RM 4,000.00.
- [58] Mengenai cara bayaran pula, dengan mengambil kira faktor kewangan Defendan juga bebanan Defendan untuk menjelaskan kes-kes yang telahpun diputuskan oleh Mahkamah sebelum ini iaitu kes Hutang Dalam Perkahwinan dan Nafkah Anak, Mahkamah berpandangan bayaran Mut'ah ini hendaklah dibayar secara ansuran sekurang-kurangnya sebanyak RM 250.00 sebulan sehingga selesai pembayaran.

KEPUTUSAN

Setelah meneliti serta menghalusi segala keterangan pihak-pihak, Mahkamah berpuashati dan membuat perintah-perintah seperti berikut :

- (1) **SAYA LULUSKAN** Tuntutan Mut'ah yang difailkan oleh Plaintiff, Norhanani Binti Husin ke atas Defendan, Mohd Anis Bin Mohd Asha'ari di bawah seksyen 57, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu).
- (2) **SAYA PERINTAH** Defendan difardhukan membayar mut'ah kepada isteri yang diceraikan iaitu Plaintiff sebanyak RM 4,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Ribu Sahaja).
- (3) **SAYA PERINTAH** Defendan difardhukan membayar mut'ah sebagaimana di para 2 secara ansuran sekurang-kurangnya RM 250.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Sahaja) sebulan mulai bulan Januari 2021 sehingga selesai pembayaran dan bayaran hendaklah dibuat selewat-lewatnya 30 haribulan setiap bulan terus ke akaun milik Plaintiff sebagaimana berikut :

Nama Bank : Maybank
No Akaun : XXXX XXXX XXXX

- (4) **SAYA PERINTAH** kos ditanggung pihak-pihak.

ULASAN KES

**SITI NORHANANI BINTI HUSIN
LWN.
MOHD ANIS BIN MOHD ASHA'ARI**

Oleh:

Noraida binti Harun

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu

Alamat E-mail:

noraida@unisza.edu.my

Pendahuluan

Kes ini berkaitan dengan satu tuntutan pembayaran mut'ah yang dikemukakan oleh Plaintiff, Siti Norhanani binti Husin terhadap bekas suaminya di bawah seksyen 57, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017. Kes ini telah didengar dan diputuskan oleh YA Tuan Haji Ahmad Najib bin Mohd, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Besut, Terengganu, pada 5 Rejab 1442H bersamaan 20 Disember 2020.

Fakta Kes

Plaintif, Siti Norhanani binti Husin telah menfailkan tuntutan mut'ah terhadap defendant, Mohd Anis bin Mohd Asha'ari yang merupakan bekas suami kepada Plaintiff di bawah seksyen 57, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017. Ringkasnya, tuntutan yang dibuat oleh pihak Plaintiff memohon Mahkamah Rendah Syariah: (1) supaya pihak Defendan membayar mut'ah sebanyak RM50,000; (2) kos tindakan ditanggung oleh pihak Defendan; dan (3) mengeluarkan apa-apa perintah yang difikirkan perlu oleh Mahkamah.

Plaintif dan Defendant telah berkahwin pada 5 Jun 2014. Hasil daripada perkahwinan mereka telah dikurniakan tiga (3) orang anak. Pada 8 Ogos 2018, Plaintiff dan Defendant telah bercerai talaq satu kali pertama (raj'i) dengan kebenaran di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Besut.

Di akhir perbicaraan, Mahkamah meluluskan tuntutan mut'ah yang difailkan oleh pihak Plaintiff terhadap Defendan di bawah seksyen 57, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu). Defendan perlu membayar mut'ah kepada plaintiff yang diceraikannya sebanyak RM4,000.00 secara ansuran RM250.00 sebulan bermula bulan Januari 2021 sehingga selesai pembayaran dan bayaran hendaklah dibuat selewat-lewatnya 30 haribulan setiap bulan ke akaun milik Plaintiff.

Hujahan Pihak Plaintiff

Plaintif, dalam tuntutan pembayaran Mut'ah sebanyak RM50,000 daripada bekas suaminya, telah mengemukakan empat orang saksi yang memberi keterangan berhubung dengan hal keadaan suami isteri dan juga mas kahwin semasa akadnikah perkahwinan.. Faktor yang telah diplidikan oleh pihak Plaintiff mengenai kewajipan pihak suami untuk membayar mut'ah menurut Hukum Syarak adalah berdasarkan tiga faktor iaitu, wujudnya perkahwinan, penceraian dan persetubuhan. Plaintiff dalam kes ini adalah seorang bekas isteri yang telah

mempunyai kelayakan dari segi Hukum Syarak untuk menuntut bayaran mut'ah daripada bekas suaminya iaitu Defendant.

Hujahan Pihak Defendant

Dalam kes ini, merujuk kepada kewajipan Defendant untuk membayar mut'ah penceraian kepada Plaintiff, pihak Defendant dalam pembelaanya menuntut agar kes Plaintiff ditolak kerana tidak bersetuju dengan tuntutan bayaran mutah itu sendiri. Pihak Defendant juga tidak pernah membangkitkan sepanjang perbicaraan yang dijalankan bahawa pihaknya ada atau telah membayar mut'ah kepada Plaintiff selepas penceraian. Menurut Defendant lagi, pihak Plaintiff tidak berhak untuk mendapatkan mut'ah kerana ketidakmampuannya untuk membayar dan juga sikap Plaintiff semasa menjadi isterinya.

Isu

Di dalam kes ini, terdapat tiga isu utama yang perlu diputuskan oleh Mahkamah:

1. Takrifan Tuntutan Mut'ah
2. Kewajipan Defendant untuk membayar Mut'ah
3. Jika diwajibkan, kadar Mut'ah yang perlu dibayar

Ulasan Kes

Isu Pertama:

Mut'ah merupakan satu-satunya hak yang khusus kepada wanita selepas berlaku perceraian yang perlu ditunaikan oleh suami sejurus selepas menceraikan isterinya. Penangguhan atau pengabaian terhadap perintah Allah SWT adalah suatu kesalahan yang dikategorikan sebagai dosa atau tidak mentaati perintah Allah SWT. Islam adalah agama yang memelihara hak dan menjamin keadilan serta jaminan perlindungan kepada wanita terutamanya dalam situasi atau keadaan di mana golongan tersebut memerlukan perlindungan.

Mengikut seksyen 57, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017, menyebut bahawa: “Selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut'ah atau pemberian saguhati kepada Mahkamah.” Menurut seksyen 2, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017, mut'ah didefinisikan sebagai bayaran saguhati yang diberikan dari segi Hukum Syarak kepada isteri yang diceraikan. Menurut peruntukan di atas, mut'ah didefinisikan sebagai pemberian atau bayaran saguhati yang wajib diberi suami kepada isteri yang diceraikannya sepertimana disebut dalam kitab Mughni al-Muhtaj, jilid 3, halaman 317, cetakan Dar al-Ma'rifah, Beirut, Lubnan cetakan pertama 1418H/1997M, al-Khatib al-Syarbini menyebut: “Mut'ah adalah harta yang wajib dibayar oleh suami kepada isterinya yang diceraikan hidup secara talak dan yang seumpamanya dengan syarat-syarat tertentu. Dalam kitab Manhaj Fiqh Al-Shafei, mut'ah dari sudut syarak bermaksud harta yang wajib diserahkan kepada suami kepada isteri yang ditinggalkan, sama ada dengan sebab perceraian atau dipisahkan.

Mahkamah merujuk kepada kes terdahulu iaitu kes *Nor Bee lwn Ahmad Shanusi*, Jurnal Hukum Jld i, (1401/1980-1981), 63, Kadhi Besar Dato' Hj Harussani Haji Zakaria memberikan ulasan bahawa mut'ah adalah pemberian yang diwajibkan oleh syarak kerana perceraian yang bukan dari sebab isteri. Manakala, kes *Jaliah bte Hassan lwn Abu Bakar bin Wan Abdullah*, Jurnal Hukum Jld vii, Bhg 1, 72, Hakim Haji Mutualib bin Haji Mohamed Ali

pula mengulas bahawa menurut pandangan Islam pemberian mut'ah yang berupa saguhati dari pihak suami adalah satu perkara yang baik dan patut dilaksanakan kerana dengan adanya mut'ah itu sekurang-kurangnya dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh seorang perempuan yang akan memulakan penghidupan baru setelah diceraikan.

Dalam kes *Noraini Abd Rahman lwn. Taib Hanapi*, [2005] 1 CLJ (Sya) 332, Yang Arif Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah merujuk kepada kitab Kifayatul Akhyar Juzu' 2 muka surat 42 berkait dengan tuntutan mut'ah yang menerangkan bahawa menurut pendapat Mazhab Syafie, mut'ah itu adalah wajib diberikan kepada isteri yang diceraikan tidak kira isteri itu sempat disetubuhi atau belum sempat disetubuhi kecuali perceraian itu disebabkan oleh isteri iaitu jika isteri keluar dari Islam atau isteri itu hamba yang dimiliki suami atau kerana matinya isteri itu atau pembubaran perkahwinan disebabkan lian atau pembubaran perkahwinan berlaku kerana kemahanan isteri tersebut.

Selanjutnya dalam kes *Norma @ Normek lwn Mohd Zain Abdullah* [2005] 1 CLJ (Sya) 305, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan telah memutuskan bahawa seorang isteri yang diceraikan berhak untuk menuntut mut'ah. Mahkamah juga merujuk kes *Sapiee bin Muda lwn. Adnan Hawa binti Mohamad* (1436H/Mac 2015) JH 40(1) 125, Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Terengganu telah meringkaskan seperti berikut mengenai syarat kelayakan seorang isteri bagi menuntut mut'ah:-

- i. Perceraian dengan kematian suami atau isteri. Suami tidak wajib membayar mut'ah.
- ii. Perceraian berpunca dari suami yang mewajibkannya membayar mut'ah, iaitu ada 5 :-
 - (a) talaq;
 - (b) li'an;
 - (c) suami murtad;
 - (d) fasakh nikah disebabkan aib suami yang berlaku sebelum akad nikah; dan
 - (e) fasakh nikah kerana pemelukan Islam oleh suami dan isteri kekal tidak Islam.
- iii. Perceraian berpunca daripada isteri semata-mata yang tidak mewajibkan suami membayar mut'ah, iaitu, iaitu ada 6 :-
 - (a) Isteri murtad;
 - (b) Isteri memeluk Islam;
 - (c) Fasakh nikah kerana aib isteri;
 - (d) Isteri dimerdekaan, suami masih hamba dan isteri memilih untuk fasakh nikah;
 - (e) Isteri fasakh nikah kerana suami papa; dan
 - (f) Isteri fasakh nikah kerana suami mati pucuk.
- iv. Perceraian yang berpunca daripada kedua-dua belah pihak suami dan isteri. Ia terbahagi kepada 2, iaitu :-
 - (a) Punca perceraian daripada suami lebih kuat, iaitu khulu' dan tafwid al-talaq. Suami wajib bayar mut'ah;
 - (b) Punca perceraian dari isteri lebih kuat iaitu dalam kes isteri seorang hamba dan suami membelinya dari tuan isteri, maka punca fasakh akibat darinya lebih kuat di pihak isteri. Dalam kes ini menurut qaul jadid, suami tidak berkewajipan membayar mut'ah.

- v. Perceraian berpunca dari pihak ketiga seperti isteri yang dikahwini masih kecil. Dalam masa perkahwinan tersebut, isteri telah menyusu dengan ibu suami, maka fasakh nikahnya sama seperti hukum perceraian dengan talaq sebelum bersetubuh, iaitu isteri berhak separuh mahar yang telah ditetapkan dan jika tidak ditetapkan maharnya, maka wajib bayar mu'tah atas kadar $\frac{1}{2}$ mahar mithil.

Merujuk kepada syarat-syarat di atas, kesemua jenis pembubaran perkahwinan (furqah) melayakkan seseorang isteri itu mendapat mut'ah kecuali dalam kes fasakh tertentu. Oleh itu, takrifan mut'ah mengikut Hukum Syarak, mut'ah bukannya 'saguhati' atau hadiah atau ihsan sukarela daripada pihak suami kepada isterinya namun ia adalah pemberian wajib ke atas suami kepada isterinya apabila berlakunya penceraian.

Isu Kedua:

Asas hukum membayar Mut'ah kepada isteri yang diceraikan adalah wajib dalam Mazhab Syafie berdasarkan firmah Allah Ta'ala dalam al Quran, surah al-Baqarah, ayat 241 yang bermaksud: "bagi perempuan-perempuan yang diceraikan, mut'ah dengan cara yang makruf (patut) sebagai hak ke atas orang yang bertakwa."

Mazhab Syafie merupakan mazhab yang mewajibkan mut'ah apabila berlakunya pembubaran perkahwinan dan ianya selari dengan ketetapan pihak pemerintah yang memperuntukan dalam undang-undang keluarga Islam. Kewajipan untuk membayar mut'ah menurut Hukum Syarak adalah berdasarkan tiga faktor iaitu adanya perkahwinan, penceraian dan persetubuhan.

Dalam kes ini, pihak Defendan bersetuju dengan fakta mengenai tiga faktor yang diplidkan oleh Plaintiff iaitu mereka telah berkahwin pada 5 Jun 2014 dan telah bercerai talaq satu kali pertama (raj'i) pada 8 Ogos 2018 serta berlakunya persetubuhan dalam tempoh perkahwinan di mana mereka telah dikurniakan tiga orang anak hasil daripada perkahwinan tersebut. Justeru itu, mahkamah memutuskan Plaintiff mempunyai kelayakan untuk menuntut mut'ah daripada pihak Defendan.

Isu Ketiga:

Dalam Al-Quran tidak menyebut dengan jelas kadar sesuatu mut'ah itu tetapi asas yang disebut adalah berdasarkan kemampuan suami. Allah S.W.T berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 236: Bermaksud: ".... Dan hendaklah kamu memberi "Mut'ah" (pemberian saguhati) kepada mereka (yang diceraikan itu), iaitu: suami yang senang (hendaklah memberi saguhati itu) menurut ukuran kemampuannya; dan suami yang susah pula menurut ukuran kemampuannya, sebagai pemberian saguhati menurut yang patut, lagi menjadi satu kewajipan atas orang-orang (yang mau) berbuat kebaikan."

Dalam membuat penentuan kadar mut'ah dalam kes ini, Mahkamah berpendapat bahawa kadar bayaran yang patut dibayar hendaklah dilihat pada tahap kemampuan suami dan hal keadaan isteri, selaras dengan kehendak al-Quran dalam Surah al-Baqarah ayat 236. Peruntukan undang-undang juga tidak menjelaskan kayu ukur kadar mut'ah secara terperinci sebaliknya menyerahkannya kepada Hukum Syarak sebagaimana menurut seksyen 57, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017: "... memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut Hukum Syarak." Para ulama fiqh bersepakat bahawa sekiranya terdapat persetujuan bersama di antara suami dan isteri, maka isu kadar mut'ah rendah ataupun tinggi adalah tidak berbangkit.

Walaupun tidak terdapat sebarang nas tentang kadar penetapan had mut'ah yang wajib diberikan tetapi fuqaha berpendapat terdapat dua prinsip berhubung dengan penentuan kadar mut'ah ini. Pertama: kemampuan pihak suami serta berdasarkan nasab dan sifat isteri yang diceraikannya itu. Sekiranya suami terdiri daripada golongan berharta dan berpendapatan tinggi, kadar nilai mut'ahnya adalah tinggi. Sekiranya pihak suami terdiri daripada golongan berpendapatan rendah atau sederhana, maka kadar mut'ahnya adalah sederhana sahaja. Oleh itu dalam kes ini, walaupun tiada penetapan had maksimum namun kayu ukurnya adalah tertakluk kepada kadar mahar mithil. Kadar mahar seseorang wanita berbeza dengan seorang yang lain. Sekiranya seorang perempuan yang berketurunan mulia, terkenal, berharta dan mempunyai status pangkat atau bertaraf tinggi maka kadar mahar mithilnya adalah tinggi.

Kedua: Penentuan ijтиhad kadar mut'ah oleh Hakim. Apabila berlaku pertikaian, Hakim mestilah menentukan kadar mut'ah berdasarkan keadaan dua-dua pihak suami dan isteri serta tertakluk kepada piawaian mahar mithil. Menurut kitab al-Mughni al-Muhtaj, Jilid 3, halaman 318, al - Khatib al-Syarbini menyebut: " Jika bertelingkah bekas suami dan isteri mengenai kadar mut'ah, Hakim yang akan menentukannya secara ijтиhad dengan mengambil kira kewajaran hal keadaan kedua-duanya, daripada kesenangan dan kesusahan suami, keturunan isteri dan sifatnya (isteri)."

Dalam kes *Noorbee lwn Ahmad Sanusi* Jld 1 JH (1978) 63, Al-Fadli Haji Harussani bin Haji Zakaria telah berkata: " Dasar Mut'ah adalah keredhaan kedua pihak tetapi jika tidak tercapai persetujuan maka penentuan dibuat oleh kadi. Penentuan kadar telah digariskan oleh Hukum Syarak dengan nilai kedudukan kaya miskinnya suami dan sifat serta keadaan isteri. Sifat ialah perwatakan dan keadaan ialah kedudukan keluarga atau status keluarga dalam masyarakat. Kaya dan miskin ialah nilai semasa dari segi perolehan dan pemilikan."

Dalam kes ini, mahkamah perpandangan bahawa kadar wang hantaran sebanyak RM5,000 oleh Defendan kepada Plaintiff adalah merupakan gantian kepada mahar mithil. Dengan melihat tempoh masa tarikh perkahwinan dan perceraian pihak-pihak hanya empat tahun dua bulan lebih, mahkamah melihat tidak banyak perubahan ketara yang melibatkan hal keadaan isteri dari segi sifatnya termasuk taraf sosial seperti pekerjaan, pendapatan, pangkat dan sebagainya. Dari segi keturunan pula, tiada fakta berkaitan yang memberi kesan dalam penentuan kadar mut'ah memandangkan pihak Plaintiff sendiri mengakui latar belakang keluarganya sebagai keluarga sederhana dan bapanya hanya seorang nelayan. Keterangan Plaintiff dan saksi-saksinya menjadi qarinah bahawa Defendan merupakan seorang yang tidak berkemampuan seperti keterangan Defendan bekerja membaki paip rumah jiran, menjual burger dan sebagainya. Dalam hal ini, tanggungjawab untuk membuktikan Defendan seorang yang kaya raya adalah ke atas Plaintiff bagi mahkamah meluluskan tuntutannya.

Sebagai kesimpulannya, tiada perubahan yang signifikan berlaku terhadap status kemampuan Defendan dan status atau taraf sosial Plaintiff. Oleh itu, Mahkamah berpuashati kadar mahar mithil yang layak bagi Plaintiff dengan mengambil kira hal keadaan Plaintiff dan Defendan adalah masih kekal iaitu sebanyak RM 5,000.00. Mahkamah juga melihat terdapat pengakuan bahawa mereka telah tinggal bersinggan dan tidak bersekedudukan sebagai suami isteri apabila Plaintiff tinggal bersama keluarganya di Kuala Besut lebih kurang tempoh satu (1) tahun sebelum bercerai, tanpa mahkamah melihat puncanya. Dalam hal ini, hikmah pensyariatan mut'ah tidak lagi dilihat wujud pada diri Plaintiff dengan ketara. Oleh yang demikian, setelah meneliti keseluruhan fakta dalam kes ini, mahkamah berpuashati bahawa Plaintiff berhak mendapat bayaran mut'ah daripada Defendan sebanyak RM 4,000.00.

Kesimpulan

Mahkamah mempunyai bidangkuasa bagi mendengar tuntutan mut'ah oleh Plaintiff mengikut seksyen 57, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 yang menyatakan bahawa mut'ah adalah bayaran saguhati yang diberikan dari segi Hukum Syarak kepada isteri yang diceraikan. Berdasarkan kepada hujah yang dikemukakan, kadar mut'ah yang sesuai boleh dipertimbangkan oleh mahkamah dengan melihat dari sudut kemampuan suami, status atau pekerjaan suami, keadaan kehidupan dan gaya perbelanjaan suami atau isteri ketika dalam perkahwinan dan keturunan dan sifat isteri.

Merujuk kitab al-Mu'tamad fi Fiqh al-Islami oleh Prof .Dr. Muhammad al-Zuhailiy , jilid 4, m.s. 128, menyatakan hikmah pembayaran mut'ah adalah seperti berikut:

“Kewajipan memberi Mutaah adalah kerana menutup kesan-kesan yang dialami oleh isteri akibat perceraian, menyenangkan hati bekas isteri ketika berpisah dari rumah kelaminnya, mengurangkan emosinya yang tidak tenteram disebabkan perpisahan dengan suaminya dan menenangkan kepedihan dan kesukaran yang pada kebiasaannya timbul daripada perceraian ini”.

Antara tujuan pembayaran mut'ah adalah untuk mengembirakan dan menenangkan hati isteri akibat daripada perpisahan di samping menuntut rasa malu, menghindarkan fitnah dan sebagai asas untuk memulakan hidup bersendirian. Oleh itu, jika diceraikan dengan cara yang baik serta diiringi dengan pemberian mut'ah maka dapatlah meredakan sedikit kesedihan isteri bagi memulakan penghidupan yang baru setelah diceraikan.

Rujukan

1. Abdul Karim Zaidan. (1418H/1997M). Nizom al-Qadaa' Fi al-Syariah al-Islamiyyah. Muassasah al-Risalah, Beirut: Lubnan. Cetakan Ketiga, hlm. 129.
2. Minhaj Al-Shafei, Jilid 3, Dar Al-Qalam : Damsyik, hlm 81
3. Muhammad al-Zuhailiy, al-Mu'tamad fi Fiqh al-Islami, jilid 4, hlm.128.
4. Muhammad Bin Ahmad al-Khatib al-Syirbiniy. (1418H/1997M). Mughni al-Muhtaj, jilid 3. Dar al-Ma'rifah, Beirut: Lubnan. cetakan pertama, hlm. 306,307,317 dan 318.
5. Mukhtar Abdullah. (2019). Mut'ah bukanlah suatu tuntutan balas dendam. Praxis (Jan-Mar), hlm 12- 20.
6. Raihanah, A. (2001). ‘Mut’ah al-Talaq: wanita manakah yang berhak menerimanya’ dalam Wanita dan Perundangan Islam. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd, hlm.151.
7. Ros Asmaniza, A., Raihanah, A. (2013). Mut’ah al-Talaq: jaminan hak dan perlindungan wanita selepas penceraian. *Jurnal Syariah*. Jld.21. Bil.3, hlm. 343-362.